



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 28 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **86 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,169 kes** (80.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 28 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **10 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,629 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,345 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Setakat dilaporkan hari ini, (8) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, empat (4) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian** berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115 kes** (1.51 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ingin dimaklumkan bahawa kesemua 10 kes baharu yang dilaporkan adalah penularan tempatan, di mana lima (5) kes adalah bukan warganegara Malaysia. Tiada kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

## **KERJASAMA SERTA KEPATUHAN ORANG AWAM DAN INDUSTRI TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)**

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mula berkuatkuasa pada 4 Mei 2020 adalah satu inisiatif Kerajaan dalam membuka semula ekonomi Negara secara berhati-hati dan terkawal, di samping memastikan langkah pencegahan dan pembendungan penularan COVID-19 diberi keutamaan.

Keputusan ini telah diambil selepas perbincangan dan pertimbangan pelbagai aspek terutamanya kesihatan, keselamatan dan kualiti hidup orang ramai. Susulan itu, KKM bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membangunkan pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi implementasi kaedah yang menyokong norma dan kelaziman baharu.

Sehingga kini, pelbagai SOP telah diluluskan Kerajaan untuk dilaksanakan oleh pelbagai industri dan orang ramai dalam kehidupan seharian. Ini termasuk upacara keagamaan dan sambutan perayaan. Kerajaan telah berusaha keras bagi memastikan pematuhan orang ramai terhadap SOP ini, agar jumlah kes COVID-19 adalah terkawal dan pada masa yang sama industri serta aktiviti yang dibenarkan Kerajaan dapat dijalankan dengan terkawal.

Sejak hampir sebulan penguatkuasaan PKPB di negara kita, didapati jumlah kes positif COVID-19 dari 4 Mei 2020 sehingga 27 Mei 2020 adalah 1,189 kes. Daripada jumlah ini, kes di kalangan warganegara Malaysia adalah hanya 22.7 peratus iaitu 270 kes, manakala 77.3 peratus pula melibatkan kes bukan warganegara iaitu 919 kes (termasuk 383 kes bukan warganegara di dalam tiga (3) buah Depot Tahanan Imigresen).

Sejak bermulanya PKPB, didapati tren penularan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat adalah semakin berkurangan dari minggu sebelumnya. Ini tidak mungkin dicapai tanpa

kerjasama dan kepatuhan orang ramai kepada nasihat, saranan dan SOP Kerajaan, serta juga aktiviti penguatkuasaan oleh pelbagai agensi Kerajaan.

Justeru, KKM ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pelbagai industri dan orang ramai kerana sudi memikul beban bersama Kerajaan demi kepentingan komuniti dan Negara. Sekiranya usaha-usaha ini diteruskan oleh semua dengan sikap dan rasa tanggungjawab sosial, pastinya kita dapat sama-sama memutuskan rantai penularan virus COVID-19 di Malaysia.

## **PENGGUNAAN FUNGSI “HOTSPOT TRACKER” DI DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA**

Bagi membantu rakyat Malaysia menyesuaikan diri dengan aktiviti harian, termasuklah dalam merancang perjalanan harian, dan mengenalpasti kawasan-kawasan berisiko di mana kes-kes COVID-19 dilaporkan, orang awam boleh menggunakan fungsi “*Hotspot Tracker*” melalui aplikasi MySejahtera. Fungsi ini dapat membantu rakyat mengenalpasti sekiranya terdapat kes-kes yang dilaporkan dalam lingkungan satu (1) kilometer dari kawasan yang dicari dalam tempoh 28 hari.

Rakyat disarankan supaya mengelakkan perjalanan tidak perlu (*non-essential travel*) ke kawasan-kawasan yang mempunyai risiko jangkitan COVID-19.

Oleh itu, fungsi ini boleh dijadikan panduan kepada setiap pengguna dalam membuat keputusan untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Ini sejajar dengan pemerksaan diri (*self-empowerment*) individu dan rakyat Malaysia dalam membiasakan diri dengan norma dan kelaziman baharu kehidupan seharian. Masyarakat perlu jaga diri mereka, keluarga mereka dan juga komuniti sekeliling mereka bagi memastikan ianya bebas COVID-19.

Bagi yang belum memuat turun aplikasi MySejahtera, bolehlah berbuat demikian untuk menggunakan fungsi-fungsi penting, termasuk penilaian sendiri kesihatan dan juga maklumat terkini daripada CPRC KKM.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya terus patuh kepada segala nasihat dan saranan yang sering ditekankan Kerajaan. Jadikanlah amalan-amalan berikut sebagai norma dan kebiasaan baharu dalam kehidupan seharian, antaranya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).

- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang

perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

28 Mei 2020 @ 5.00 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI  
MALAYSIA  
(SEHINGGA 28 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	255
<b>SELANGOR</b>	2	1,845
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	793
<b>MELAKA</b>	0	216
<b>JOHOR</b>	0	671
<b>PAHANG</b>	1	345
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	0	344
<b>SARAWAK</b>	0	552
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	7	1,997
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	93
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>10</b>	<b>7,629</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import